

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

al-Hadaf

الهدف

PENYAMPAI WAWASAN INSTITUSI FATWA



جَمَاعَةُ مُفْتِيَ كَلِيمَانَ

JABATAN MUFTI KERAJAAN

JABATAN PERDANA MENTERI

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Menundukkan Hawa Nafsu Kemenangan paling Agung & Suci



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera dan adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah di Jame 'Asr Hassaniil Bolkiah.*

Rejab - Syawal 1422  
Oktober - Disember 2001  
Tahun 5 Bilangan 4

*Menarik Di Dalam :*

4 Iman Perisai Dan Penyelamat Mutlak

14 The Right of Muslim Women in Talaq

8 Jampi Yang Terlarang

19 Taubat :  
Tanah Bertukar Menjadi Emas

11 Insyā Allah - Bukan Alasan Untuk  
Tidak Menyempurnakan Janji

21 Apa Pantang Larang Isteri Kematian Suami?

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan harapan kemenangan umat Islam di bulan Syawal yang mubarak, akan berpanjangan menjadi milik kita.

*(Bersambung ke muka 3)*



## Prihatin dan Pemedulian Amalan Terpuji



Al-Hadaf Tahun 5 Bil: 4 • Rejab - Syawal 1422 / Oktober - Disember 2001

**A**lhamdulillah, kita mengucapkan syukur dan tahmid kepada Allah *Subhanahu Wata'ala* yang telah banyak mengurniakan kelebihan dan nikmat dalam kehidupan sehari-hari termasuk dapat menikmati kegembiraan 'Idul Fitri.

Kita gembira kerana di bulan Ramadhan kita dapat menunaikan perintah Allah berpuasa selama sebulan. Dengan berpuasa kita mendapat latihan praktikal bagaimana menundukkan hawa nafsu. Puasa juga berfungsi melatih rohani supaya lebih tawadhu' serta mempunyai perasaan timbang rasa.

Dengan berpuasa juga kita dapat merasakan betapa peritnya kehidupan orang-orang fakir dan miskin yang serba kekurangan. Tanpa ibadat ini kita tidak akan dapat memahaminya dan merasakan kesusahan mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah menitahkan perkara ini sempena 'Idul Fitri tahun ini. Menurut baginda kerajaan juga turut memberikan galakan kepada orang ramai untuk menghulurkan sedekah atau derma kepada mereka yang ditimpa musibah seperti bencana alam, sama ada di dalam mahupun di luar negara, iaitu dengan cara

menubuhkan tabung kebajikan atau tabung ihsan bagi tujuan tersebut.

Kita di Negara Brunei Darussalam ini alhamdulillah, tidaklah pasif dan berdiam diri sahaja. Dalam perkara ini kita mempunyai beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menghulurkan bantuan yang perlu berdasarkan kelayakan tertentu. Inilah cara kita orang Brunei yang sentiasa prihatin dan memedulikan hal ehwal kebajikan mereka yang memerlukan.

Semua ini kita lakukan dengan niat semata-mata ingin meringankan bebanan mereka yang ditimpa bencana itu, sebagai mematuhi salah satu daripada ajaran agama kita yang menganjurkan bertimbang rasa dan mempunyai rasa belas kasihan terhadap sesama kita.

Sempena dengan 'Idul Fitri yang penuh berkat ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap rakyat dan penduduk negara ini akan mengekalkan cara hidup yang baik dan digemari oleh agama, seperti bersatu padu, tolong menolong, hormat menghormati serta pandai dan cepat menghulurkan simpati kepada sesama insan yang memerlukan.

Selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita perlu menanai hasrat baginda itu agar kehidupan kita akan diberkati dan mendapat kasih sayang daripada Allah *Subhanahu Wata'ala*.

## SIDANG PENGARANG

### KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran.

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha

### PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin  
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil  
Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Awang Haji Duraman bin Haji Kula  
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak  
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah  
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

### URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

### PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,  
Jabatan Mufti Kerajaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih  
atas ehsan Foto  
kepada:*

*Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri*

### PERINGATAN

**Jagalah suratberita ini  
dengan baik dan cermat,  
kerana ia mengandungi  
ayat-ayat al-Qur'an dan  
hadis Nabi  
Sallallahu 'alaihi wasallam**



(dari muka 1)

Menurut titah baginda, kemenangan menundukkan hawa nafsu itu adalah kemenangan yang sebenar-benarnya, iaitu kemenangan paling agung dan suci di sisi Allah.

*“Ugama Islam telah menyifatkan, bahawa tidak ada musuh yang paling besar melainkan hawa nafsu”,* titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena 'Idul Fitri 1422 Hijriah yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada malam Hari Raya 1 Syawal 1422 bersamaan 15hb. Disember 2001.

Titah baginda lagi, *“Dari hawa nafsu, segala kejahatan mungkin terjadi, sama ada ia dilakukan oleh individu atau jemaah, puncanya tidak lain ialah hawa nafsu.*

*Seseorang jadi binasa kerana hawa nafsu, sebuah rumah tangga atau masyarakat porak peranda kerana hawa nafsu,”* titah baginda lagi.

Baginda seterusnya menekankan bahawa melalui pengalaman berpuasa, orang dapat memahami erti lapar dan dahaga, dapat merasakan betapa peritnya kehidupan fakir miskin yang sentiasa dalam kekurangan. Tanpa ibadat ini, tentu saja ramai orang yang tidak dapat memahaminya.

Pada keesokkan harinya 16hb. Disember



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyertai rakyat dan penduduk negara ini menunaikan Sembahyang Sunat 'Idul Fitri di Jame' Asr Hassanil Bolkih.*

2001, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat menyertai rakyat baginda menunaikan Sembahyang Sunat 'Idul Fitri di Jame' Asr Hassanil Bolkih.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda

'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang Sunat 'Idul Fitri diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal dan khutbah pula disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Sejurus selepas menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah.

## Dikurniakan Pingat Kehormatan

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda ke-55 tahun.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bagi pihak

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan tersebut pada 29 dan 30 Oktober 2001 di Dewan Persantapan Lapau.

Di hari pertama, seramai 3 orang dikurniakan Pingat Bakti Laila Ikhlas (PBLI), 27 orang Pingat Jasa Kebaktian (PJK) 271 orang Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) dan 272 orang Pingat Kerja Lama (PKL). Sementara di hari kedua pula seramai 551 orang menerima Pingat-Pingat Kehormatan.

Dua orang pegawai di Jabatan Mufti Kerajaan, iaitu Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Haji Tajuddin dan Dayang Hajah Puspa binti Haji Serudin turut dikurniakan Pingat Kerja Lama (PKL).

Di kedua-dua majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



# Iman

## Perisai & Penyelamat Mutlak

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam di negara ini, agar berusaha supaya iman itu terus naik dan jangan turun, atau sekurang-kurangnya stabil bagi mengekalkan diri untuk menjadi orang yang baik.

Menurut baginda, orang yang beriman sama sekali tidak akan mencuri, membunuh atau melakukan sebarang jenayah dan maksiat, selama mana imannya itu masih wujud bertunjang dan bertapak di dalam dadanya.

*"Inilah hakikat iman. Ia mengasuh dan mengawal pemiliknya menjadi orang baik, bukan kerana siapa-siapa, dan juga kerana takut akan azabNya."* titah baginda

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena Majlis Sambutan Isra' dan Mikraj yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Isnin 27 Rejab, 1422 bersamaan 15 Oktober, 2001.

Titah baginda lagi, keimanan bukan



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan hadiah bagi Anugerah Sekolah Ugama Teladan kepada wakil Sekolah Ugama Pantai Berakas.

sahaja menjanjikan kebahagiaan peribadi, malah juga untuk semua warga dunia. Ia akan menapis dan menghalangi segala anasir negatif. Ia tidak akan membenarkan walau sejangkalpun sebarang anasir daripada bergerak untuk mengharu-birukan kehidupan.

*"Inilah peranan iman yang sebenar-*

*benarnya, iaitu menjadi perisai dan penyelamat mutlak kepada semua, tanpa memilih bulu, warna kulit dan agama."*

Cara untuk menaikkan iman itu pula menurut baginda ialah dengan membanyakkan berzikir, rajin belajar ilmu agama dan banyak bergaul dengan orang-orang salih.

*"Manakala semua ini menjadi budaya, maka insya Allah, negara kita akan menjadi negara teraman yang sukar didapati penyakit-penyakit sosial di dalamnya,"* titah baginda lagi.

Acara kemuncak di majlis Sambutan Isra' Mikraj itu ialah penganugerahan hadiah kepada sekolah-sekolah Agama Teladan bagi bangunan kekal, bangunan sementara menggunakan bangunan Kementerian Pendidikan, Pertahanan dan Polis Diraja Brunei dan Sekolah Ugama Bangunan di air.

Tema sambutan Isra' dan Mikraj tahun 1422 / 2001 ialah Maju Bangsa, Sejahtera Negara Berlandaskan Ajaran Islam.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta anakanda-anakanda baginda berangkat ke Majlis Sambutan Isra' dan Mikraj 1422 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



(Dari muka 24)

Menurut baginda, ayat al-Qur'an mengandungi hikmah dan kebenaran yang kukuh dan menjadi hidayah, rahmat dan petunjuk bagi orang yang sedia mengerjakan amal yang baik.

Hidayah yang dimaksudkan, menurut baginda ialah petunjuk Allah yang disampaikan kepada makhlukNya supaya mereka memahami tujuan penciptaNya. Hidayah itu sangat mahal dan istimewa. Ia khusus untuk mereka yang berusaha untuk mendapatkannya

dan sentiasa bersedia untuk membuat kebaikan.

Sehubungan dengan itu, baginda menyeru masyarakat negara ini supaya memusatkan harapan serta azam untuk sentiasa memperoleh hidayah Allah kerana hanya denganya mereka akan dapat meraih keuntungan berupa kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Titah baginda, "*Hidayah itu ialah rahmat yang tertinggi, andainya ia menjadi milik kita bermakna kitalah orang yang paling kaya mencakup*

*semua rahmat, rahmat dunia dan akhirat. Semua makhluk di dunia ini menikmati belas kasihan Allah atau rahmatNya sama ada mereka itu hamba yang taat atau engkar, yang terdiri daripada semua kalangan termasuk haiwan.*"

Bagaimanapun, titah baginda lagi, rahmat yang paling luas ialah rahmat bagi hamba yang beriman dan ikhlas serta taat dan yang sentiasa dibekalkan dengan hidayah Allah.

Di majlis itu, baginda berharap supaya kita semua akan kekal dalam rahmat iman, supaya dengan itu dapatlah kita sekaligus memperolehi kedua-dua rahmat Allah, iaitu rahmat dunia *Ar-Rahman*, dan rahmat akhirat, *Ar-Rahim*.

Baginda juga menasihatkan semua umat Islam agar melengkapkan diri dengan ajaran al-Qur'an kerana dengan cahaya al-Qur'an itu saja umat Islam dapat meraih semua yang diharapkan. Tanpa al-Qur'an jalan kebenaran tidak akan terbuka untuk dilalui.

Acara kemuncak di sambutan itu ialah penganugerahan hadiah kepada pemenang peraduan menghafaz al-Qur'an.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhatdee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuaru Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Malek dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Mateen.



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada Johan Kategori 'B' iaitu Awang Mohammad Arif bin Haji Bagol dari Ma'had Islam Brunei.*



*Sebahagian daripada jemputan yang hadir di Majlis Sambutan Nuzul al-Qur'an yang berlangsung pada 17 Ramadhan 1422 bersamaan 7 November 2001.*



# Program Penempatan Kerja Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah di Jabatan Mufti Kerajaan

**Y**ang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah Binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, menjalani program penempatan kerja sehari di Jabatan Mufti Kerajaan pada 22 Syaaban 1422 bersamaan dengan 8 November 2001, sebagai salah satu program penempatan kerja di Jabatan-Jabatan Kerajaan.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah telah dijunjung oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Mufti Kerajaan, Timbalan Mufti Kerajaan, Pengarah Pentadbiran, Pegawai-Pegawai serta kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan.

Di sebelah pagi Yang Teramat Mulia telah diberikan taklimat mengenai fungsi dan struktur Jabatan Mufti Kerajaan yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan Dato Paduka Ahmad Bukhari Pengarah Pentadbiran. Di akhir sesi taklimat tersebut Yang Teramat Mulia telah berkenan menandatangani buku lawatan khas sempena keberangkatan Yang Teramat Mulia dan juga berkenan menerima pesambah yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Mufti Kerajaan.



*Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah ketika berkenan meneliti surat pertanyaan hukum yang diterima melalui e-mail untuk proses menjawab pertanyaan tersebut.*

Bagi melihat sendiri dengan lebih dekat mengenai fungsi Jabatan Mufti Kerajaan, Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan lawatan ke bahagian-bahagian Jabatan Mufti Kerajaan.

Semasa melawat di Bahagian Penerbitan dan Penerangan Yang Teramat Mulia telah disembahkan taklimat ringkas oleh Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan Haji Mohidin bin Haji Mustapha mengenai fungsi dan bahan-bahan terbitan Jabatan Mufti Kerajaan. Seterusnya Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah berupa bahan-bahan terbitan Jabatan Mufti Kerajaan.

Sebagai kenangan penempatan kerja ini, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berkenan menyertai sesi fotografi

bersama pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan.

Di sebelah petang pula, Yang Teramat Mulia berkenan menghadiri satu majlis halaqah ilmu mengenai pengenalan Pasaran Bond Kerajaan. Penjelasan dan huraian mengenai tajuk tersebut disampaikan oleh Awg. Haji Ali bin Apong, Penolong Pengarah Tugas-Tugas Khas Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei, Kementerian Kewangan.

Majlis halaqah ilmu diadakan ialah untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai sesuatu perkara daripada pakar dengan tujuan untuk menjadi bahan maklumat sebelum Mufti Kerajaan membuat ketetapan hukum. Bagaimanapun mufti tidaklah terikat dengan maklumat yang diperolehi.



*Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah semasa menghadiri majlis halaqah ilmu.*



*Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berkenan menyaksikan dengan lebih dekat lagi buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan.*



# Yang Dipertuan Agong Malaysia Mangkat KDYMM berkenan berangkat

## ke Istiadat Pemakaman

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Kuala Lumpur pada 22 November 2001 bagi Istiadat Pemakaman Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Hishamudin Alam Shah, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj telah mangkat pada 21 November 2001 di Pusat Rawatan Gleneagles Intan dalam usia 75 tahun.

Al-Marhum yang diputerakan pada 8 Mac 1926 telah ditabalkan sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia ke II pada 23 September 1999. Al-Marhum ditabalkan menjadi pemerintah dan Sultan Negeri Selangor Darul Ihsan yang kelapan pada 3 September 1960.

Istiadat dimulakan dengan sembahyang jenazah di Masjid Negara. Kemudian diikuti dengan Istiadat Penghormatan Terakhir bagi Jenazah Al-Marhum di Istana Negara.

Jenazah Al-Marhum kemudiannya diiringi menuju Istana Alam Shah, Klang, Selangor Darul Ihsan bagi



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah semasa memberikan penghormatan terakhir kepada Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Yang Dipertuan Agong Malaysia.*



Istiadat Pemakanan. Al-Marhum telah disemadikan di Makam Diraja Klang.

Hadir bagi memberi penghormatan terakhir antaranya ialah beberapa orang ketua-ketua negara ASEAN.

Berangkat sama ke Kuala Lumpur ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.



# JAMPI

## Yang Terlarang

### Soalan:

Dengan hormat sukacita dipohonkan fatwa berhubung dengan jampi yang digunakan oleh seorang bomoh untuk mengubati pesakit, bagi kegunaan dan rujukan di Bahagian Kawalan Akidah, Jabatan Hal Ehwal Syara'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

### Jawapan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
رَسُولِ اللَّهِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالسَّالِكِينَ سَبِيلَهُ  
وَالدَّاعِينَ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَيَعُدُّ

حَسَدًا، وَشَرَّ كُلِّ ذِي عَيْنٍ.  
(رواه مسلم)

**Maksudnya:** "Daripada Aisyah - isteri Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, beliau berkata: "Biasanya apabila Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam mengadu (kesakitan), maka Jibril akan menjampinya dengan ucapan: (Dengan nama Allah, Dia menyelamatkanmu; dan daripada segala penyakit Dia menyembuhkanmu; begitu juga daripada kejahatan pendengki ketika dia mendengki dan daripada kejahatan setiap yang punya mata)."

(Hadis riwayat Muslim)

Apa itu jampi? Menurut kamus, jampi ialah "kata-kata tertentu yang diucapkan untuk mendatangkan kesaktian seperti boleh menyembuhkan penyakit dan lain-lain." Jampi diertikan juga dengan mantera.

Jampi itu disebut dalam bahasa Arab sebagai *ruqyah*. (رُقْيَةٌ)

Pendapat yang mengatakan bahawa jampi itu tidak ada dalam syara' atau Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam tidak pernah menjampi adalah dakwaan yang tidak betul, kerana terdapat hadis-hadis yang merujuk bahawa Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam pernah dijampi dan menjampi. Antaranya ialah:

Aisyah Radhiallahu 'anha berkata: "Apabila Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam mengadu sakit, maka Jibril 'Alaihissalam akan menjampi Baginda dengan doa. Di antaranya ialah seperti hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهَا قَالَتْ: كَانَ إِذَا أَشْتَكَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَقَاءَ جِبْرِيلَ. قَالَ: بِاسْمِ اللَّهِ يُبْرِيكُ، وَمِنْ كُلِّ دَاءٍ يَشْفِيكَ، وَمِنْ شَرِّ حَامِدٍ إِذَا


Berdasarkan hadis ini dan juga lain-lain hadis seumpamanya, maka ada ulama yang menamakan satu bab khas dalam kitab mereka dengan nama "Bab Berubat dan Menjampi."

Jika ia dibolehkan, apakah syarat-syaratnya?

Al-Imam Fakhruddin Ar-Razi telah membahas persoalan ini ketika memberi ulasan dan tafsiran mengenai ayat-ayat yang terdapat dalam 2 surah Al-Mu'awwidzain (surah Al-Falaq dan An-Nâs). Di samping membentangkan hujah golongan yang mengatakan "boleh menggunakan jampi" beliau juga mengemukakan dalil-dalil daripada kumpulan yang berpendapat sebaliknya. Kemudian Ar-Razi menjawab pendapat yang membantah itu.

Inilah pendapat Ar-Razi, katanya: "Bahawa golongan yang mengharuskan jampi itu menggunakan 8 alasan:

1. Berdasarkan apa yang telah diriwayatkan, bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam pernah mengadu kesakitan (kepada Jibril). Maka Jibril 'Alaihissalam pun menjampi Baginda dengan berkata:



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ أَزْقِيكَ، مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيكَ، مِنْ كُلِّ عَيْنٍ وَحَامِدٍ يَشْفِيكَ، أَوْ قَالَ: اللَّهُ يَشْفِيكَ  
(رواه أحمد)

**Maksudnya:** "Dengan nama Allah aku menjampimu daripada segala sesuatu yang menyakitkanmu. Dia (Allah) menyembuhkanmu daripada segala (kejahatan) mata atau hasad dengki," atau katanya: "Allah menyembuhkan engkau!"

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

2. Ibnu Abbas berkata: "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam telah mengajarkan kepada kami bagaimana hendak mengelakkan diri daripada semua jenis sakit dan demam dengan doa ini":

بِسْمِ اللَّهِ الْكَبِيرِ، أَحْمَدُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ مِنْ شَرِّ عِزْقِ نَعَارٍ، وَمِنْ شَرِّ حَرِّ النَّارِ  
(رواه الامام أحمد)

**Maksudnya:** "Dengan nama Allah yang Mulia, aku berlindung dengan Allah Yang Maha Agung daripada kejahatan peluh yang mendidihkan darah yang keluar dari uratnya, dan daripada kejahatan panas api neraka." (Hadis riwayat Imam Ahmad)

3. Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda bermaksud:

"Barangsiapa yang melawat orang sakit, yang menurut pandanganmu bahawa kematian orang itu masih jauh, maka



bacalah doa ini sebanyak 7 kali, nescaya dia akan sembuh:

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ  
الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ.

(رواه أبو داود والحاكم والترمذي والنسائي عن ابن عباس)

**Maksudnya:** “Aku mohon kepada Allah Yang Maha Agung, Tuhan yang menguasai Arasy Yang Agung agar Allah menyembuhkan kamu.”

(Hadis riwayat Abu Daud, Al-Hakim, At-Tirmidzi dan An-Nasa’i daripada Ibnu Abbas).

4. Dalam sebuah hadis daripada Sayyidatina ‘Aisyah *Radhiallahu ‘anha* menceritakan bahawa apabila Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* menziarahi orang sakit, maka Baginda (menjampi) dengan membaca doa ini:

أَذْهَبِ الْبَأْسَ رَبَّ النَّاسِ ، إِشْفِ وَأَنْتَ  
الشَّافِي ، لَا شِفَاءَ إِلَّا بِشِفَاؤِكَ ،  
شِفَاءَ لَا يُعَادِرُ سَقَمًا

(رواه البخاري)

**Maksudnya:** “Hilangkanlah segala kesusahan wahai Tuhan yang menjaga manusia. Sembuhkanlah (dia). Engkaulah Penyembuh, tiada penyembuh selain penawarMu. Penawar yang tidak meninggalkan (saki-baki) penyakit.”

(Hadis riwayat Bukhari)

5. Berdasarkan hadis riwayat daripada Ibnu Abbas *Radhiallahu ‘anhu* beliau berkata “Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* itu sentiasa mempergunakan cucu Baginda, Hasan dan Husain dengan membaca doa ini:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الثَّمَةِ ، مِنْ كُلِّ  
شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامِئَةٍ

(رواه البخاري)

**Maksudnya:** “Aku berlindung kamu berdua dengan semua kalimah Allah yang sempurna daripada kejahatan tiap-tiap syaitan dan binatang yang melata dan daripada pandangan yang bermaksud jahat (penyakit ‘ain).”

(Hadis riwayat Bukhari)

Doa yang sama juga telah dibacakan oleh Nabi Ibrahim *‘Alaihissalam* untuk melindungi kedua-kedua anak Baginda Nabi Ismail dan Nabi Ishak.

6. Utsman bin Abu Al-‘Ash As-Saqqafi berkata: “Saya telah pergi bertemu Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam*, sedang pada masa itu saya mengalami suatu penyakit yang agak berat, maka Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda: “Usapkan tangan kananmu pada tempat yang sakit itu dan jampilah dengan doa ini sebanyak 7 kali.

أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّمَا  
أَحْدُ

(رواه النسائي)

**Maksudnya:** “Dengan nama Allah, aku berlindung dengan kemuliaan Allah dan kekuasaanNya daripada kecelakaan yang aku alami.”

(Hadis riwayat Nasâ’i)

Maka saya pun melakukan seperti yang diajarkan oleh Rasulullah itu, lalu Allah Ta’ala menyembuhkan saya.”

7. Diriwatikan dalam Shahîh Ibnu Huzaimah, Sunan An-Nasa’i dan Sunan Abu Daud bahawa apabila Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* musafir, ketika bertemu dengan malam, Baginda menjampi dengan berkata:

يَا أَرْضُ رَبِّي وَرَبُّكَ اللَّهُ ، أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ  
شَرِّكَ وَشَرِّ مَا فِيكَ وَشَرِّ مَا مَخْلَقَ فِيكَ  
وَشَرِّ مَا دَبَّ عَلَيْكَ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ  
كُلِّ أَسَدٍ وَأَسْوَدٍ وَحَيَّةٍ وَعَقْرَبٍ مِنْ  
سَاكِنِي الْأُبُلْدِ وَمِنْ شَرِّ وَالِدٍ وَمَا وَلَدَ

**Maksudnya:** “Wahai bumi, Tuhanku dan Tuhanmu adalah Allah, aku berlindung kepada Allah daripada kejahatanmu dan kejahatan yang ada padamu, kejahatan yang dijadikan padamu, serta kejahatan apa yang melata di atasmu, aku berlindung dengan Allah daripada kejahatan-kejahatan singa, ular, kala jengking, dan daripada kejahatan penghuni negeri serta apa-apa juga kejahatan iblis dan syaitan.”

8. Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Sayyidatina Aisyah *Radhiallahu ‘anha* menyebutkan bahawa: “Apabila Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* duduk di tempat tidurnya pada setiap malam, Baginda menadah tangan dengan menghimpunkan kedua tangannya dan meludah padanya serta membaca:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ،

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ،  
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ

kemudian Baginda menyapu kedua tangan Baginda ke seluruh badannya dengan memulai dari kepala dan muka Baginda. Baginda melakukan sebanyak tiga kali.”

Pengarang kitab *At-Tadâwi bi Al-Qur’ân* berkata: “Para ulama telah sepakat mengatakan tentang harusnya melakukan jampi apabila berhimpunnya tiga syarat berikut ini:

- Kalimat-kalimat jampi itu mestilah terdiri daripada perkataan-perkataan Allah Ta’ala, nama-namaNya ataupun sifat-sifatNya.
- Sebaik-baiknya ialah dalam bahasa Arab, ataupun sebarang bahasa yang boleh difahami maksudnya.
- Hendaklah diingat dan disedari dari segi aqidah bahawa jampi itu tidak memberi apa-apa kesan. Kesan yang berlaku itu adalah daripada ketentuan dan takdir Allah Ta’ala jua.

Perubatan dengan menggunakan jampi-jampi adalah diharuskan selama mana ia tidak bertentangan dengan kehendak syara’.

Dengan berpandukan syarat-syarat menjampi yang disebutkan di atas, maka mudahlah bagi kita menilai jampi yang diharuskan dan jampi yang ditolak mengikut sukut-sukat hukum syara’.

Setelah meneliti kandungan catatan tawar-tawar atau jampi-jampi sebagaimana yang dikemukakan, saya mendapati sebahagian besar daripadanya tidak dapat difahami dan bahkan mengandungi kata-kata yang tidak selaras dengan jalan aqidah. Misalnya:

- (i) Puku Tawar:

“Aku lazat Allah, terdiri daripada Allah Muliaku Mulia Allah, Kayaku Kaya Allah Kuatku Kuat Allah”

Ulasan:

Perkataan ‘lazat’ bererti sedap atau enak atau seronok. Lazat dalam bahasa Minangkabau bermakna teruk atau penyakit berat atau penyakit raja singa.

Apabila dihubungkan makna-makna ‘lazat’ itu dengan “Aku lazat Allah”, tidak boleh difahami maksudnya, apabila dilanjutkan lagi ungkapan: “Terdiri daripada Allah” juga tidak



dapat difahami. Pada dasarnya ungkapan-ungkapan seperti ini dan banyak lagi yang terdapat di dalam buku catatan jampi berkenaan tidak memberikan makna jampi atau doa bahkan lebih jauh sudah menyangkut perkara-perkara aqidah yang terlarang.

Dalam tawar di atas juga menyebut:

“Muliaku mulia Allah

Kayaku kaya Allah  
Kuatku kuat Allah”

Ungkapan-ungkapan seperti ini boleh membawa makna bahawa si penjampi berkenaan menyifatkan kemuliaannya, kekayaannya serta kekuatannya adalah sebanding atau sama dengan kemuliaan, kekayaan serta kekuatan Allah *Subhanahu wata'ala*. Jika benar begitu, maka kata-kata sedemikian ini tidak syak lagi membawa kepada syirik, menyekutukan Allah *Subhanahu wata'ala*. *Wal 'iyâdzubillâh*.

(ii) Doa Nabi Allah Yusuf (hal. 4)

“Bismillah, Nor Allah, Mani Allah Menikam di dadaku

Jika kau ..... Malam nampak kau berbandam,  
Jika kau ..... Siang nampak kau bercahaya  
Berkatku Memakai doa' Allah Yusuf  
Berkat la ela ha Allah(3x)”

Ulasan

Dalam doa di atas ada tersebut perkataan “mani Allah”, Dalam kamus, “mani” itu bererti air dan benih yang terpancut keluar daripada alat kelamin lelaki atau haiwan jantan ketika bersetubuh (mengawan) atau apabila mencapai puncak syahwat. Jika itulah yang dimaksudkan, maka bererti si penjampi telah menyandarkan kepada Allah itu sesuatu perkara yang dianggap bertentangan dengan aqidah, iaitu perkara yang hanya berlaku ke atas atau untuk makhluk sahaja. Sayugia diingat bahawa salah satu sifat wajib bagi Allah *Subhanahu wata'ala* itu ialah: Tiada sesuatu yang serupa atau menyamai Allah Ta'ala sebagaimana firmanNya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

(سورة الشورى: ١١)

**Tafsirnya:** “Tiada sesuatupun yang sebanding atau serupa denganNya (dzatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya), dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

(Surah Asy-Syûra: 11)

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

(سورة الاخلاص: ٤)

**Tafsirnya:** “Dan tidak ada sesiapaupun yang setara denganNya.”

(Surah Al-Ikhlâsh: 4)

Menilai kepada zahir ungkapan, doa yang dikatakan sebagai doa Nabi Allah Yusuf 'Alaihissalam di sini, adalah amat meragukan.

Kemudian dari segi ungkapan-ungkapannya juga didapati seolah-olah ada interaksi atau perhubungan dua hala antara bomoh (penjampi) dengan pihak lain, tetapi siapakah dia tidaklah diketahui, seperti contoh ini:

(i) Doa Nabi Allah Yusuf (hal. 4):

“Jika kau... Malam nampak kau berbandam”.

(ii) Kehendak Diri (hal. 9):

“Hie..... Malaikat kasi bin,  
Sasatkan hati si anau kepada diaku”

(iii) Pesan Mimpi (hal. 7):

“Ya Roh ku Ya Rohmu  
Aga olehmu Roh se...”

(iv) Doa menundukkan hati orang yang panas/marah (hal. 12):

“Aku pesuruh Allah kau pesuruh Adam.”

(v) Tawar Burut (hal. 16):

“Lucu luci batang bertambah-tambah  
Aku yang bersalah aku yang kau sambah,  
Aku yang berdosa aku yang kau puji.”

Ungkapan-ungkapan ini tidak dapat difahami dengan jelas di samping menimbulkan kewahaman ianya bertentangan dengan aqidah umat Islam. Misalnya ungkapan ini:

“Aku pesuruh Allah kau pesuruh Adam”

Walaupun sesetengah jampi berkenaan ada diselitkan beberapa ayat al-Qur'an, namun ianya (jampi-jampi itu) tidaklah boleh diterima, kerana ayat-ayat yang diselitkan itu tidak tepat sebutannya serta salah ejaan dan ditulis pula dengan huruf Rumi. Di samping itu ungkapan-ungkapannya banyak yang tidak difahami dan meragukan. Contohnya:

(i) Jampi Penumbuk (hal. 8):

“Ja lika luman as iara ban”.

Kemungkinan ia di*iqtibâs* daripada:  
( (كَلِمَاتٍ لِّمَنْ نَحِشِي رَبِّي) )

surah Al-Baiyinah, ayat 8.

(ii) Berjalan di dalam air (hal. 2):

“Bismillah...cumum bekumun ummuyun”.

Kemungkinan ia di*iqtibâs* daripada:

( (هَمَّ بِكُمْ حَتَّى) )

surah Al-Baqarah, ayat 18.

Dalam keadaan ini pastinya si penjampi sekali-kali tidak akan dapat mencapai maksud dan hikmat ayat-ayat tersebut kerana kesalahan-kesalahan yang dijelaskan di atas.

Ada juga ungkapan yang merujuk kepada ayat-ayat al-Qur'an, dan ayat-ayat itu diiringi perkataan-perkataan yang mengelirukan yang tidak sewajarnya dikaitkan dengan ayat-ayat tersebut, seperti contoh ini:

(i) Amatan sangkil tidur (hal. 10):

“Kulala (( قُلْ هُوَ اللَّهُ )) sungsang Fatiha  
( ( فَاتِحَةٌ )) sungsung”.

(ii) Penutup nafsu (hal. 36):

“Alif mati Fatiha ( وَاللَّهُ أَحْمَدُ بِالشُّوَابِ ) Mati”.

Lebih menyimpang lagi apabila Allah dijadikan objek seperti makhluk, padahal Dia (Allah) itu adalah sunyi daripada sebarang kekurangan seperti makhluk itu, contohnya:

(i) Tawar mati pucuk (hal. 25):

“Allah yang dikunci”.

(ii) Pemutu Allah (hal. 20):

“Allah terbunuh baru aku terbunuh”.

Selain daripada contoh-contoh yang disebutkan ini, banyak lagi ungkapan-ungkapan yang terang-terang salah serta menyalahi aqidah. Perkara itu boleh disabitkan dengan mengenalpasti pendapat-pendapat ulama mengenai jampi. Daripada syarat-syarat jampi yang ditetapkan oleh mereka itu, maka jelaslah jampi-jampi yang ada ini tidak dapat diterima tetapi wajib ditolak dan dicegah.

Maka atas asas ini, bomoh berkenaan tidaklah harus dibiarkan begitu saja, tetapi hendaklah dinasihati dan dihalang daripada terus bergiat mengamalkan jampi-jampi berkenaan, lebih-lebih lagi jika terdapat usaha untuk menyebar dan mengembangkannya kepada orang lain.

Langkah pencegahan dan pembanterasannya itu ialah semata-mata bagi memelihara orang-orang Islam daripada turut terjebak mempercayai dan memakai jampi-jampi yang salah ini. Yang penting dan bahkan utama ialah melindungi aqidah umat Islam, termasuklah pengamal jampi-jampi ini sendiri.



# INSYĀ ALLAH

## BUKAN ALASAN UNTUK TIDAK MENYEMPURNAKAN JANJI

Biasanya berjanji adalah mudah daripada menunaikannya. Oleh kerana itu, janganlah kita mudah membuat janji, lebih-lebih lagi jika sukar untuk ditepati atau dipenuhi. Mungkir janji atau sengaja tidak mahu menyempurnakan janjinya bererti seseorang itu tergolong dalam golongan orang-orang *munāfiq*. Hal orang *munāfiq* ini telah ditegaskan oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dalam sabdanya:

مِنْ عَلَامَاتِ الْمُنَافِقِ ثَلَاثَةٌ إِذَا حَدَّثَ  
كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَهْلَفَ وَإِذَا أُؤْتِمِنَ نَحَانَ  
(رواه مسلم)

**Maksudnya:** "Dari tanda-tanda orang *munāfiq* itu ada tiga iaitu jika dia bercakap dia berbohong dan jika dia berjanji dia mengingkari janji dan jika diamanahkan dia khianat."

(Hadis riwayat Muslim)

*Munāfiq* juga adalah satu sifat yang sangat keji dan balasannya pula amat berat. Hal ini dijelaskan oleh Allah *Subhanahu wata'ala* dalam firmanNya:

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ  
وَلَنْ تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا  
(سورة النساء: ١٤٥)

**Tafsirnya:** "Sesungguhnya orang-orang *munāfiq* itu ditempatkan pada tingkatan yang terkebawah sekali daripada (lapisan-lapisan dalam) neraka. Dan engkau tidak sekali-kali akan mendapati sesiapa pun yang boleh menolong mereka."

(Surah An-Nisā': 145)

Demikian, keburukan orang-orang yang sengaja mungkir janji sebagaimana yang disebutkan oleh al-Qur'an dan hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Walau bagaimanapun, orang yang berjanji dan dia berazam akan menyempurnakan janjinya, tetapi terhalang oleh suatu kezuratan yang menyebabkan janji tersebut tidak mampu disempurnakan, maka tidaklah dia termasuk dalam golongan *munāfiq* itu.

Sebagai agama yang *syumul* (menyeluruh), Islam telah mengaturkan bagi umatnya adab-adab dalam berjanji. Antara adab-adab yang perlu diikuti itu ialah mengucapkan lafaz '*insyā*' Allah' apabila berjanji. Suruhan ini telah dijelaskan oleh Allah *Subhanahu wata'ala* dalam firmanNya:

وَلَا تَقُولْنَ لِمَا يُسَاءُ بِئِنِّي فَاعِلٌ ذَلِكَ  
عَدَا (٢٣) إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ.

(سورة الكهف: ٢٣ - ٢٤)

**Tafsirnya:** "Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang hendak dikerjakan): "Bahawa aku akan lakukan yang demikian itu, besok pagi" melainkan (hendaklah disertakan dengan berkata) "*insyā*' Allah" (jika dikehendaki Allah)".

(Surah al-Kahfi: 23-24)

Ayat yang disebutkan di atas turun ketika Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* ditanya oleh orang Quraisy tentang roh, *Ashhāb al-Kahf* dan Dzu al-Qarnain. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* berjanji akan menjawabnya pada keesokan harinya (dengan janji secara pasti) dan mengharapakan Malaikat Jibril akan datang membawa wahyu. Walau bagaimanapun, Jibril tidak datang sehingga lima belas hari lamanya. Kekesalan Baginda menantikan sehingga lima belas hari itu dapatlah difahami sebagai pengajaran supaya tidak mengikat janji secara pasti, tetapi hendaklah mengatakan '*insyā*' Allah', kerana kekuasaan yang tertinggi adalah di tangan Allah. Hal tersebut memberatkan Rasulullah dan menyebabkan Baginda dituduh sebagai pembohong oleh orang-orang Quraisy. (Al-Qurthubi: 10/385, Ar-Rāzi: 21/92)

Maka Allah Ta'ala dengan jelas menurunkan ayat ini sebagai petunjuk kepada Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan umatnya supaya menyerahkan segala perkara kepada Allah, terutama apabila hendak melakukan sesuatu pada masa yang akan datang, dengan disertakan perkataan '*insyā*' Allah' (jika dikehendaki Allah). Kerana Allah jualah yang mengetahui apa yang akan berlaku selepas itu dan Dialah yang berkuasa mengizinkan atau menghalangnya.

Sehubungan dengan itu Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* mengambil dengan penuh perhatian mengenainya sehingga suruhan melakukan sesuatu dengan menyatakan pengakuan '*insyā*' Allah' itu ditekankan oleh Baginda sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anh*:

قَالَ سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ  
لَأَطُوفَنَّ اللَّيْلَةَ بِمَاءَةِ امْرَأَةٍ تَلِدُ كُلُّ امْرَأَةٍ  
عُلَامًا يُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَقَالَ لَهُ  
الْمَلِكُ، قُلْ إِنْ شَاءَ اللَّهُ، فَلَمْ يَقُلْ وَنَسِيَ  
فَأَطَافَ بِهِمْ وَلَمْ تَلِدْ مِنْهُنَّ إِلَّا امْرَأَةً  
بِضْفِ إِنْسَانٍ، قَالَ التَّبَيُّنِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ لَوْ قَالَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ لَمْ يَخْتِ  
وَسَكَانَ أَوْجَى لِحَاجَتِهِ.

(رواه البخاري)

**Maksudnya:** "Nabi Sulaiman bin Daud 'Alaihimassalam berkata: "Demi sesungguhnya, aku akan mendatangi pada malam ini semua isteri-isteriku seramai seratus orang di mana masing-masing daripada mereka itu akan melahirkan seorang anak laki-laki yang menyertai jihad di jalan Allah". Lalu malaikat berkata kepadanya: "Katakanlah: "*Insyā*' Allah", namun Sulaiman tidak mengatakannya kerana lupa, lalu dia mendatangi isteri-isterinya dan tidaklah lahir daripada mereka

kecuali salah seorang isterinya yang melahirkan separuh manusia. Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: "Andainya dia berkata: "*Insyā*' Allah", tentulah dia tidak melanggar sumpahnya dan itu akan lebih mendatangkan harapan bagi hajatnya." (Hadis riwayat Bukhari)

Hadis ini memberi pengajaran kepada kita bahawa dengan menyertakan perkataan '*insyā*' Allah' ketika berjanji itu boleh menyelamatkan orang yang berjanji daripada termasuk ke dalam golongan orang-orang yang memungkir atau mengingkari janji.

Soalnya apakah ucapan '*insyā*' Allah' itu di'*tibarkan* sebagai janji yang mesti dipenuhi mengikut hukum syara'?

Kebiasaan sebahagian orang didapati apabila membuat janji akan mengatakan '*insyā*' Allah' dengan tujuan tidak memberati apa yang dijanjikan itu atau dengan kata lain lafaz '*insyā*' Allah' itu diucapkan sebagai alasan untuk tidak memenuhi janji tersebut. Sifat sedemikian adalah bertentangan dengan kehendak sebenar hukum syara'.

Perlu difahami bahawa janji adalah wajib ditepati, manakala ucapan '*insyā*' Allah' itu adalah suruhan Allah dan RasulNya ketika berjanji, sebagaimana yang disebutkan dalam al-Qur'an dan hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Maka di sini ada dua perkara yang berasingan dan saling berhubung kait di antara satu sama lain iaitu, kewajipan menunaikan janji dan suruhan ucapan dengan lafaz '*insyā*' Allah' ketika melakukan janji.

Ini bererti ucapan '*insyā*' Allah' itu bukanlah sebagai alasan untuk tidak menyempurnakan janji yang dibuat dengan berserah kepada kuasa Allah semata-mata. Bahkan perkataan '*insyā*' Allah' itu hendaklah disertai dengan azam untuk menyempurnakan janji agar kita tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang *munāfiq*.

Walaupun bagaimanapun menyebut perkataan '*insyā*' Allah' dengan azam untuk melakukan sesuatu itu adalah lebih menepati kehendak agama Islam, kerana kita pasti bahawa kita tidak mampu melakukan sesuatu itu kecuali dengan izin Allah jua. Al-Qur'an juga mengajar umatnya apabila terlupa menyebut lafaz '*insyā*' Allah' ketika itu hendaklah kita menyebutnya sebaik-baik sahaja teringat. Hal ini diperintahkan oleh Allah Ta'ala dalam firmanNya:

وَإِذْكُرْ رَبَّكَ إِذَا نَسِيتَ

**Tafsirnya:** "Dan ingatlah serta sebutkanlah akan Tuhanmu jika engkau lupa."

(Surah al-Kahfi: 24)

Daripada apa yang telah dijelaskan di atas dapat diambil pengajaran bahawa menyebut lafaz '*insyā*' Allah' di samping usaha menyempurnakan mana-mana janji itu adalah suatu tuntutan agama Islam. Dengan melakukannya kita terhindar daripada sifat-sifat orang *munāfiq*. ■




# MENTAKMIR MASJID



Majlis Tadarus di Masjid Setia Ali, Muara.



Majlis Tadarus di Masjid Kampong Pintu Malim.



Majlis Tadarus di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak.

## Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan

Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada tahun ini sekali lagi menyemarakkan dan memeriahkan bulan Ramadhan dengan melaksanakan projek mentakmir masjid yang diisikan dengan tadarus al-Qur'an, tahlil, doa selamat dan sungkai.

Tujuan Projek ini diadakan di samping mengharap pahala di bulan Ramadhan dengan *ber'itikaf* di dalam masjid dan membaca al-Qur'an juga diharapkan untuk menjadi kegiatan misali kepada pihak-pihak am dan khas. Selain itu manfaat yang dapat ialah bersilaturrahim dengan orang-orang ramai, khususnya penduduk qaryah masjid dan mewujudkan konsep pemimpin ke masjid.

Projek yang diadakan bagi kali keempat ini diselaraskan oleh Jabatan Mufti Kerajaan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Percetakan Kerajaan. Sebanyak 19 buah Jabatan termasuk Jabatan Perdana Menteri yang diketuai oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap Kerajaan Jabatan Perdana Menteri telah dibahagikan kepada enam buah masjid yang dipilih bagi mengendalikan



Majlis Khatamal Qu'an bagi tadarus Jabatan Perdana Menteri Hajjah Maryam, Kampong Jerudong. Di majlis itu Mufti Kerajaan masjid mithali.



# DI BULAN RAMADHAN

## Menteri & Jabatan Di bawahnya

majlis tersebut dengan kerjasama Jawatankuasa-  
 jawatankuasa takmir masjid berkenaan. Masjid-masjid  
 tersebut ialah Masjid Kampung Beribi, Gadong,  
 Masjid Kampung Pintu Malim, Masjid Setia Ali  
 Muara, Masjid Kampung Limau Manis, Masjid  
 Perpindahan Lambak Kanan dan Masjid Jubli Perak  
 Sultan Haji Hassanal Bolkiaah Kampung Jangsak.

Majlis-majlis berkenaan bermula dari hari Isnin 3  
 Ramadhan 1422, bersamaan dengan 19 November  
 2001 diadakan secara bersambung-sambung sehingga  
 10 Ramadhan 1422 bersamaan dengan 26 November  
 2001. Setiap tadarus dibahagikan kepada tiga halaqah  
 dan diperuntukkan 5 juz bagi setiap masjid untuk  
 dibaca.

Majlis Khatam al-Qur'an bagi tadarus tersebut telah  
 diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam,  
 Kampung Jerudong, pada 11 Ramadhan 1422  
 bersamaan dengan 27 November 2001. Majlis tersebut  
 dimulakan dengan bacaan surah *al-Fatihah* yang  
 diketuai oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin  
 Mufti Kerajaan seterusnya bacaan surah-surah lazim  
 secara beramai-ramai.



Majlis Tadarus di Masjid Kampung Limau Manis.



Majlis Tadarus di Masjid Kampung Beribi.



n Jabatan-Jabatan di bawahnya diadakan di Masjid Al-Ameerah Al  
 menyampaikan cenderamata kepada Awang Muhd Arif bin Yahya, belia



Majlis Tadarus di Masjid Perumahan Negara Lambak Kanan.



# The Right of MUSLIM Women in

# TALAAQ (DIVORCE)

## (Part One)

Islamic law has placed the power to divorce in the hands of the husband and not the wife. However, in order that there is a balance, *shara'* (Islamic law) has also given the wife rights whereby she may seek separation from the husband when the husband has defects or *'aib* that can spoil the marriage or negate the aims of a marriage. For example, the husband is unable to provide maintenance, the husband refuses to provide proper maintenance, the husband harms or hurts the wife, the wife fears living in difficulty without the husband who is either absent for a long time, lost or has been imprisoned.

According to the Shafi'e school of thought, separation or divorce between husband and wife while both are still married is either through *talaq* (divorce) or *fasakh* (annulment or abrogation of marriage).

Sheikh Al-Islam Zakaria Al-Ansari has said in his book *Tuhfah Ath-Thullâb* page 104:

فُرْقَةُ النِّكَاحِ فِي الْحَيَاةِ طَلَاقٌ وَفَسْخٌ

Meaning: "Separation of marital ties in life is through *talaq* and *fasakh*."

### Factors Leading To Divorce

Divorce may take place due to any one of the following factors:

- (i) Divorce from the husband, whether through *sarih* (clear) or *kinayah* (allusion), pronounced or indicated by the husband himself or the

husband surrenders the right to divorce to the wife so that she may divorce herself.

- (ii) *Khulu'* or divorce at the instance of the wife who pays a compensation, whereby the wife gives something to the husband so that she may be divorced by him either by pronouncement of *talaq* or *khulu'*.
- (iii) *Îla'*, i.e. the husband takes an oath that he will not have sexual relations with his wife for a specific length of time. When this period is over yet the husband still refuses to resume conjugal relations, the wife may seek the help of the judge to divorce them.
- (iv) *Hakamain*, i.e. when there is *shiqâq* (dispute) between the spouses, the court will appoint *hakam* (arbiters), one from the husband's family and one from the wife's family or from a third party apart from members of the spouses' family. Both *hakam* (arbiters) will decide whether the couple should divorce or remain married. If both *hakam* are of the opinion that they should separate, the decision must be accepted.

Therefore, divorce may take place with the husband making the pronouncement himself directly, or through a representative, including through the wife herself, and through the court.

Imam Ash-Shirazi has said in At-

Tanbih page 112:

وَلَهُ أَنْ يُطَلِّقَ بِنَفْسِهِ وَلَهُ أَنْ يُوَكِّلَ

Meaning: "A husband may pronounce divorce himself and he may also appoint a representative."

### Divorce Through *Fasakh*

Apart from separation or divorce through the above means, separation or divorce may also take place through *fasakh*. Like *talaq*, *faskh* also brings an end to marriage. *Fasakh* literally means 'to annul a deed' or rescind a bargain. It also means annulment of marriage if there are sufficient grounds (for a divorce). It is decreed by the *qadhi* (judge) after the careful consideration of an application made to him by the wife. The *qadhi* if satisfied that the woman is prejudiced by marriage, he will annul the marriage.

According to Sheikh Al-Islam Zakariya Al-Ansari, in his book *Tuhfah Ath-Thullâb* page 104, there are seventeen (17) reasons for *fasakh*, i.e.:

- (1) The husband is unable to pay the *mahar* (dowry).
- (2) The husband is unable to provide maintenance or expenses to the wife, including expenses for clothes and a residence.
- (3) *Li'ân* (mutual imprecation -- the husband swears, in the



- presence of a judge, to the truth in his accusations that his wife has committed adultery while the wife swears that the husband's accusations are untrue).
- (4) Free (from slavery).
  - (5) Due to certain defects for example, piebald skin disease, insanity, leprosy, transmissible diseases, etc.
  - (6) Fraud and deception in the marriage.
  - (7) Due to *wati' shubhah* (incest) for example, sexual relations with the wife's mother (mother-in-law) or the wife's child (stepchild).
  - (8) Imprisoned by the enemy.
  - (9) Conversion to Islam.
  - (10) Husband or one of the spouses becomes an apostate.
  - (11) Husband becomes a Muslim together with his two wives who are sisters.
  - (12) Husband becomes a Muslim together with his wives numbering more than four.
  - (13) Husband becomes a Muslim together with his wives numbering more than two slaves.
  - (14) Due to inequality of status (*kufu'*).
  - (15) One of the spouses belongs to another person.
  - (16) Conversion from one religion to another, for example, the wife converts from Judaism to Christianity.
  - (17) Due to foster relations.

In this regard, Sheikh Al-Malibari has explained that the inclusion of *fasakh* in the law of marriage is so that *dharar* (harm) from the husband may be avoided. Therefore, should this occur, the wife could seek for a divorce from the husband who is unable to provide proper maintenance to his wife.

Should any of the above factors be

present, divorce or *fasakh* could take place, whether pronounced by the husband himself or by a third party (court). As mentioned by Al-Malibari, one of the *dharar* or difficulties associated with *fasakh* is the *dharar* or difficulty arising from the husband's inability to provide maintenance for the wife.

### Complain of *Dharar* (Harm) by Wife

Should the wife complain of *dharar* from the husband, then the difficulty experienced by the wife, whether due to a dispute between the couple or due to any other factors, should be investigated because the dispute, as mentioned in Al-Mughnî, might have been caused by the wife herself, or the husband, or even by both parties.

If the dispute originated from the wife, then she is in the wrong; if it came from the husband, then he is in the wrong; and if it came from both parties, then it means that both of them are equally wrong.

*To be continued in the next issue...*

(Dari muka 18)

Cuba kita perhatikan nukilan ini: Menurut Abu ad-Duniya dan al-Baihaqi, bahawa al-Fathu bin Mauqif bin Khalid telah menceritakan daripada Sufyan bin 'Ainah katanya: "Ketika ayahku meninggal dunia, aku adalah benar-benar sedih, sehingga aku mendatangi kuburnya pada setiap hari. Suatu hari aku lupa mendatanginya. Pada malamnya aku bermimpi, yang ayahku berkata kepadaku: "Anakku, apakah yang menyebabkan engkau tidak mendatangiku?" Aku berkata: "Apakah ayah mengetahui kedatanganmu?" Ayahku menjawab:

"Tidak engkau mendatangiku sekali melainkan aku mengetahui. Aku sungguh senang dengan kedatanganmu dan bahkan orang-orang di sekelilingku juga merasa berbahagia dengan doa-doa yang engkau bacakan."

Perkara ini jelas menjadi isyarat, bahawa ziarah kubur dan berdoa untuk mayat itu adalah perkara besar dan mustahak, dan kerana itulah ia menjadi sunnah.

Sebarang usaha untuk meringankannya atau menyebabkannya tidak dibuat orang, adalah suatu aniaya yang terang lagi jahat.

Jika terdapat pendapat yang melarangnya atau tidak menggalakannya, maka tidak syak lagi pendapat itu datangnya daripada orang-orang ganjil. Berkata ulama:

من تتبع شواذ العلماء ضل

"Barang siapa mengikut/mencari-cari pemikiran ulama' yang ganjil dia sesat".

Kata ulama lagi:

من حمل الشاذ حمل شرا كبيرا

"Barangsiapa membawa perkara ganjil, maka dia telah membawa kejahatan besar". ■



# BACAAN AL-QUR'AN

## untuk orang mati, sampaikanlah pahalanya atau tidak?

Bersempena dengan Sambutan Nuzul Al-Qur'an tahun 1422 Hijriah, rancangan "Bersama Mufti" yang disiarkan melalui Televisyen Brunei telah memuatkan wawancara eksklusif Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha dengan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, mengenai perkara yang sedang banyak diperkatakan orang iaitu tentang amalan orang hidup seperti membaca al-Qur'an, bertahlil dan lain-lain, adakah sampai manfaatnya kepada orang yang telah mati? Ikutilah wawancara ini.

### Penemuramah:

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin, baru-baru ini tersebar sebuah buku terbitan luar negeri berjudul: *Hukum Membaca al-Qur'an Untuk Orang Mati, Sampaikanlah Pahalanya Kepada Mereka?* Menurut buku ini, perkara itu adalah *bid'ah* dan tidak ada manfaat kepada yang mati. Apakah ulasan Pehin mengenainya?

### Pehin Mufti:

الْحَمْدُ لِلَّهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى  
رَسُولِ اللَّهِ مُحَمَّدٍ وَالْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ، اللَّهُمَّ هِدَايَةَ لِلصَّوَابِ ،  
وَبَعْدُ

Buku itu sebenarnya berasal daripada bahasa Arab:

حكم القراءات للأموات هل يصل ثوابها إليهم ؟

Mula-mula biarlah saya tegaskan dulu, bahawa buku ini bukan buku *mu'tabar*. Hujjah-hujjahnya juga tidak muktamad. Ia masih berupa satu pendapat di antara banyak lagi pendapat-pendapat lain daripada ulama-ulama. Kita tidak usahlah terlalu gelabah dengan pendapat serupa ini.

### Penemuramah:

Tetapi Pehin, buku ini juga menyebut tentang Imam Syafi'e sendiri telah menolak dengan keras pendapat yang



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam dan Haji Mohidin bin Haji Mustapha, bersedia untuk rakaman rancangan "Bersama Mufti".

pahala bacaan al-Qur'an itu sampai kepada si mati?

### Pehin Mufti:

Awalnya begitu. Tetapi dalil yang dipakai oleh Imam Syafi'e adalah juga dipakai oleh imam-imam lain untuk membenarkan pendapat: *Bahawa pahala bacaan al-Qur'an itu sampai kepada si mati.* Nanti akan saya sebutkan lagi perkara ini kemudian.

Bercakap mengenai Imam Syafi'e *Rahimahullah*, kita jangan lupa bahawa beliau itu memiliki dua asas pendapat: Satu dinamakan *qaul qadim* (lama) dan kedua *qaul jadid*

(baru). Ini sangat penting, jangan diabaikan. Barangkali juga pada mulanya beliau berpendapat tidak sampai, tetapi pendapat itu berubah kemudian menjadi sebaliknya. Perkara ini dapat kita kesan daripada pengakuan Az-Za'farani katanya: *"Saya pernah bertanya kepada Imam Asy-Syafi'e mengenai bacaan al-Qur'an di kubur. Ternyata beliau itu (Asy-Syafi'e) adalah membolehkannya."*

Demikian juga kenyataan Imam An-Nawawi di dalam Syarah al-Muhazzab *"Disunatkan bagi orang yang ziarah kubur itu membaca ayat-ayat al-Qur'an yang mudah-mudah"*



baginya dan mendoakan mereka setelah membaca itu. Perkara ini adalah dinashkan oleh Imam Asy-Syafi'e."

Lebih lanjut beliau menambah: "Jika mereka mengkhatakannya, itu adalah lebih afdhal lagi."

Imam Ahmad bin Hanbal juga pada mulanya menolak pendapat ini kerana menganggap tidak ada *nash*, tetapi menerimanya kemudian setelah mendapati terdapat dasar mengenai-nya. Asy-Sya'bi pula berkata: "Jika seorang daripada kaum Ansar meninggal dunia, mereka akan pulang dan pergi semula ke kuburnya untuk membaca al-Qur'an baginya."

Jadi, semua ini berlaku, dibuat oleh umat Islam dan ulama-ulama Islam serta tersebut di dalam kitab-kitab Islam.

#### Penemuramah:

Berbalik kepada dalil yang digunakan oleh ulama-ulama bagi menolak yang bacaan al-Qur'an di kubur itu sampai kepada orang mati, dapatkah Pehin huraiakan?

#### Pehin Mufti:

Ya, Asy-Syafi'e sendiri dikatakan berdalil dengan ayat 39 daripada surah an-Najm :

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

**Tafsirnya:** "Dan bahawasanya bagi seorang manusia itu hanyalah apa yang diusahakannya."

Tetapi ulama-ulama yang lain juga memakai ayat yang sama ini untuk membuktikan bahawa bacaan al-Qur'an itu adalah sampai pahalanya kepada orang mati, iaitu dengan beberapa alasan, di antaranya:

i) Bahawa ayat ini adalah khusus bagi kaum Nabi Ibrahim dan Nabi Musa 'Alaihimassalam, sedangkan bagi umat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam

adalah diberikan kelebihan akan memperolehi apa yang diusahakannya dan juga yang diusahakan oleh orang lain untuknya.

ii) Yang dimaksudkan dengan "al-insan" (Seorang manusia) dalam ayat ini ialah orang kafir. Sedangkan bagi orang mukmin akan tetap mendapat apa yang diusahakannya dan juga yang diusahakan oleh orang lain untuknya.

iii) Huruf "Lam" pada perkataan "lil-insan" di dalam ayat ini berfungsi atau bererti sebagai "على" sesuai dengan *qiyas* atau analogi pada doa-doa, sedekah, puasa, haji dan lain-lain. Lalu menurut pendapat ini, tidaklah ada bezanya di antara pemindahan pahala haji, sedekah, wakaf dan doa dengan bacaan al-Qur'an itu. Demikian menurut al-Hafiz Syamsuddin bin Abdul Wahid al-Maqdisi al-Hanbali. Al-Qurtubi telah menukil, bahawa Asy-Syeikh 'Izzuddin bin Abdussalam telah mengeluarkan fatwa bahawa pahala bacaan al-Qur'an itu tidak sampai kepada orang mati. Ketika dia telah meninggal dunia, sebahagian sahabatnya bermimpi bertemu dengannya. Mereka bertanya kepadanya: "Wahai 'Izzuddin, Tuan telah berfatwa bahawa pahala bacaan al-Qur'an tidak sampai kepada orang yang telah meninggal dunia. Lalu bagaimanakah Tuan telah menyaksikan perkara itu?" 'Izzuddin menjawab: "Saya mengatakan perkara itu ketika masih di dunia, tetapi sekarang saya sudah meninggalkannya. Saya telah menyaksikan adanya kemurahan Allah Ta'ala dalam perkara ini, yakni pahala itu memang sampai kepada orang yang telah meninggal dunia."

Terdapat hadis Nabi Sallallahu alaihi

wasallam riwayat Abu Daud:

أَقْرَأُوا آيَاتِ عَلِيٍّ مَوْتَكُمْ

**Maksudnya:** "Bacalah surah Yâsîn untuk si mati kamu."

Berkata al-Qurtubi mengenai hadis ini: "Ia adalah mencakupi bacaan ketika orang akan mati dan juga bacaan di kuburnya."

Selain sandaran daripada ayat al-Qur'an dan hadis, terdapat juga riwayat-riwayat daripada orang-orang salih mengenai hal ehwal orang-orang mati melalui mimpi-mimpi mereka yang bagus. Maksud saya dengan mimpi-mimpi yang bagus itu ialah yang boleh menjadi pengajaran kepada kita yang masih hidup ini.

Di antaranya pernah dinukil oleh al-Qadhi Abu Bakar bin Abdul Baqi Al-Ansari suatu riwayat daripada Salmah Bin 'Ubaid yang menceritakan: Bahawa Hammad al-Makki pernah berkata: "Pada suatu malam, saya pernah pergi ke beberapa kuburan di Makkah. Lalu saya meletakkan kepala saya di atas suatu kubur sehingga saya tertidur. Setelah itu saya pun bermimpi melihat para penghuni kubur duduk berkeliling membuat bulatan, saya bertanya: "Apakah kiamat sudah tiba?" Mereka menjawab: "Tidak! Hanya sanya, ada seorang daripada saudara kami yang membaca surah al-Ikhlâs dan memberikan pahalanya kepada kami."

#### Penemuramah:

Pehin telah menyebutkan beberapa contoh cerita orang-orang yang hidup bermimpikan orang-orang yang telah mati. Apakah tanggapan agama mengenai cerita-cerita seperti ini?

#### Pehin Mufti:

Itu baru satu dua yang saya sebut. Banyak lagi jika dikutip daripada kitab-kitab.

Benar, orang hidup tidak dapat lagi



bertemu dengan orang yang sudah meninggal secara fizikal. Tetapi roh-roh mereka masih saja boleh bertemu antara satu sama lain melalui mimpi.

Keterangan mengenai perkara ini bolehlah dilihat di dalam kitab-kitab, seperti kitab ar-Rûh karangan Ibnu al-Qayyim al-Jauziyah, Syarh as-Shudur Bisyarhi Ahwal al-Mautawal-Qubur karangan as-Suyuthi dan lain-lain. Ulama-ulama tidak mencuaikan mimpi-mimpi yang bagus yang berlaku di kalangan orang-orang salih. Mereka mengabadikannya di dalam tulisan-tulisan/kitab-kitab untuk dibaca oleh umat Islam sebagai pengajaran.

Mereka sangat faham akan nilai mimpi itu, berdasarkan hadis:

رؤيا الأنبياء والصالحين صحيحة، أو كما قال

“Mimpi para Nabi dan orang-orang salih itu adalah betul”

#### Penemuramah:

Kebetulan kita sekarang berada di dalam bulan Ramadhan dan akan menjelang hari raya. Biasanya, pada masa ini akan berduyun-duyunlah umat Islam membuat kunjungan atau berziarah ke kubur-kubur sanak-saudara mereka. Apakah kelebihan menziarahi kubur itu?

#### Pehin Mufti:

Ziarah kubur telahpun menjadi syari'at. Ia adalah sunnah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam. Baginya ada adab atau peraturan tertentu, di antaranya ialah dengan memberi salam kepada ahli kubur oleh orang-orang yang berziarah, seperti :

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُسْلِمِينَ وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ  
لَاحِقُونَ أَنتُمْ لَنَا فَرَطٌ وَنَحْنُ لَكُمْ تَبِيعٌ  
نَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ.

“Selamat sejahtera atas kamu, wahai

ahli kubur, daripada kalangan kaum mukmin dan muslim, kami Insyâ Allah akan menyusuli kamu. Kamu telahpun mendahului kami, kami pula akan mengikut kamu. Kami mohon kepada Allah akan kesejahteraan untuk kami sendiri dan untuk kamu juga.”

(Hadis Bukhari, Muslim dan lainnya).

#### Penemuramah:

Adakah orang mati itu mendengar dan menjawab salam daripada orang yang berziarah itu?

#### Pehin Mufti:

Bersandarkan hadis - Ya! Salah satu ialah hadis Abu Hurairah riwayat Ibnu Abu Ad-Duniya dan al-Baihaqi, bermaksud: “Jika seseorang melintasi kubur orang yang dikenalnya, lalu dia mengucapkan salam, nescaya penghuni kubur itu akan menjawab salamnya itu dan bahkan mengetahui kehadirannya. Jika orang yang tidak dikenalnya, lalu dia mengucapkan salam, nescaya penghuni kubur itu pun juga akan menjawab salamnya itu.”

Hadis lain, daripada Aisyah Radhiallah Anha, Nabi Sallallahu alaihi wasallam bersabda, maksudnya: “Tidaklah seseorang itu ziarah kubur saudaranya dan duduk di sisinya, melainkan saudara yang telah meninggal itu akan menyambut dan menjawab salamnya sehingga dia berdiri.”

Bagaimanapun, kita orang hidup tidaklah dapat mendengar suara jawapan daripada mereka itu, atau mengetahui bagaimana keadaan mereka. Namun begitu, tidaklah pula mustahil bagi orang-orang yang diberikan kelebihan oleh Allah, akan ada yang mendengarnya. Seperti al-Baihaqi pernah meriwayatkan daripada Abu Abdullah al-Hafiz, yang diterimanya daripada Abu 'Ali Hamzah bin Muhammad al-'Alawi, dia bercerita: “Ayahku pernah mengajak

aku pergi ke Madinah untuk mengunjungi kubur para syuhada pada hari Jumaat, pada waktu di antara terbit fajar dengan terbit matahari. Aku berjalan di belakang ayah. Ketika sampai di kubur mereka, ayahku memberi salam dengan suara lantang:

سَلِّمَ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَبِعَمِّ عَفْتَى الدَّارِ

**Ertinya:** “Selamat sejahtera atas kamu, berkat kesabaran kamu. Alangkah baiknya tempat kesudahan itu.” Tiba-tiba terdengar jawapan berbunyi:

“Keselamatan juga bagi kamu, wahai Abdullah.” Ayahku lalu menoleh kepadaku dan bertanya: “Apakah engkau yang menjawab tadi?” “Tidak!” jawabku. Kemudian ayahku menarik tanganku dan menempatkanku di sebelah kanannya. Dia lalu mengucapkan salam lagi kepada mereka, dan setiap salam yang diucapkannya itu dibalas, sehinggalah tiga kali diulangnya. Oleh itu, ayahku lalu sujud bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. (Dipetik cerita ini daripada kitab Syarh as-Shudur Bisyarhi Ahwal al-Mautâ wa-al-Qubûr)

#### Penemuramah:

Selain daripada orang hidup mendapat manfaat berupa pahala kerana ziarahnya itu, apakah orang mati juga mendapat manfaat yang sama?

#### Pehin Mufti:

Sudah tentulah begitu. Bukankah “Salam” tadi mendoakan kesejahteraan ke atas ahli kubur? Bahkan ianya melebihi lagi jika diiringi pula dengan bacaan ayat al-Qur'an, zikir, doa dan sedekah untuk mayat.

Jika kita ambil perkhabaran daripada orang-orang salih, maka ahli kubur itu seakan-akan seperti kita yang hidup ini juga: berhajatkan pemedulian.

(Bersambung ke muka 15)



# TANURAT

## Tanah Bertukar Menjadi Emas

**A**bu Ali Al-Fuzail bin Iyaz at-Talaqani, dilahirkan di sebuah perkampungan di Khurasan, Iran. Beliau hidup di dalam keadaan serba kekurangan dari segi harta dan keperluan hidup sejak dari kecil lagi. Apa yang ada pada beliau hanyalah sehelai jubah di badannya yang diperbuat daripada kain kasar, sebuah topi yang diperbuat daripada bulu kambing dan seutas tasbih yang tergantung di lehernya yang diperbuat daripada beberapa jenis batu.

Diriwayatkan bahawa sewaktu meningkat dewasa, Al-Fuzail adalah seorang ketua kumpulan perompak yang sangat terkenal. Beliau sering melakukan rompakan di tengah-tengah padang pasir di antara persimpangan yang bernama Baward dan Mery. Kebanyakan mangsanya ialah kafilah yang hendak berniaga ke Iraq dan ke Makkah. Hasil rompakan tersebut hanya diambil untuk kegunaan dan keperluan pada waktu itu saja, selebihnya dibahagi-bahagikannya kepada pengikut-pengikutnya.

Al-Fuzail mempunyai cara yang tersendiri apabila melakukan rompakan. Sebelum melakukan rompakan, beliau akan mendirikan sebuah khemah di tengah-tengah padang pasir sebagai muslihat untuk mengaburi mata mangsanya. Al-Fuzail akan mengarahkan anak buahnya merompak, sedangkan beliau akan berzikir di dalam khemah tersebut. Jika di dalam rombongan kafilah itu terdapat orang tua dan wanita, maka barang-barang mereka tidak akan diusiknya. Begitu juga harta benda orang-orang miskin, tidak akan dirompak oleh Al-Fuzail. Untuk setiap korbannya, ia selalu meninggalkan sebahagian daripada harta benda yang dirampasnya.

Pada suatu hari satu kafilah yang besar menuju ke Iraq. Al-Fuzail dan kumpulannya tidak sabar lagi menunggu kedatangan kafilah tersebut. Di dalam kafilah itu ada seorang kaya yang pernah mendengar desas-desus mengenai kegiatan perompak ini. Sebaik saja dia terlihat perompak itu dari jauh sedang menunggu mereka, dia pun berfikir, bagaimanakah dia harus menyembunyikan seuncang wang emas yang dimilikinya.

*"Uncang emas ini akan ku sembunyikan, tapi di mana.....? Jika perompak itu merampas harta kami semua, sekurangnya aku masih mempunyai sedikit modal untuk perbelanjaan barang perniagaanku,"* katanya di dalam hati.

Apabila kafilah itu hampir di persimpangan jalan, orang kaya itu mengambil keputusan keluar daripada rombongan tersebut mencari tempat untuk menyembunyikan wang emasnya. Kemudian dia terlihat sebuah khemah yang di dalamnya ada seorang pemuda berjubah sedang asyik berzikir. Setelah berkenalan dan meminta izin, maka orang kaya itu pun memberikan bekas emas kepada pemuda tadi untuk disimpan dan disembunyikan.

*Wahai anak muda,  
ada sebuah  
peribahasa yang  
mengatakan, hal-hal  
yang bertentangan  
itu tidak dapat  
disatukan.  
Bagaimana mungkin  
seseorang itu  
merompak tetapi  
pada waktu yang  
sama melakukan  
solat dan berpuasa?*

*"Tuan, kalau mahu simpanlah uncang emas itu di sudut khemahku,"* kata orang muda itu.

Orang kaya itu pun melakukan seperti yang disuruh oleh pemuda itu dan kemudian dia menuju semula ke arah rombongannya tanpa menyedari yang pemuda itu adalah Al-Fuzail – ketua perompak yang ditakutinya selama ini.

Ketika rombongan itu melintasi persimpangan jalan, orang kaya itu melihat rombongannya disamun oleh orang-orang Al-Fuzail. Semua barang dagangan mereka dirampas, manakala kaki dan tangan mereka diikat. Setelah memastikan kumpulan perompak itu telah pergi, maka orang kaya itu pun datang membuka ikatan mereka. Kemudian mereka mengumpulkan baki harta benda yang masih tinggal, dan orang kaya itu kemudiannya membawa rombongannya ke khemah Al-Fuzail untuk mengambil emasnya. Apabila sampai, alangkah terkejutnya orang kaya itu apabila melihat Al-Fuzail sedang berkumpul dengan perompak-perompak tadi sambil membahagi-bahagikan hasil rampasan mereka.

*"Celaka! Ternyata aku telah memberi wang emasku kepada seorang ketua penyamun,"* orang kaya itu mengeluh.

Apabila Al-Fuzail melihat orang kaya itu, diapun memanggilnya: *"Tuan, ambillah balik barangmu dari tempat tadi dan setelah itu tinggalkanlah tempat ini."*

Orang kaya itu segera mendapatkan Al-Fuzail lalu mengambil wang emasnya dan terus meninggalkan tempat itu.

Melihat keadaan ini kawan-kawan Al-Fuzail kehairanan dan berkata: *"Tuan, dari setiap orang kafilah itu kita hanya memperolehi barang-barangnya saja, tidak ada satu dirham pun di dalam bentuk tunai, mengapa tuan mengembalikan seuncang wang emas itu kepadanya?"*

Dengan tegas Al-Fuzail menjawab: *"Dia telah mempercayai aku sepertimana aku mempercayai Allah yang akan menerima taubatku nanti. Aku hargai kepercayaannya itu agar Allah menghargai kepercayaanku pula."*

Setelah beberapa hari berjaya merompak kafilah yang pertama, datang lagi kafilah yang kedua yang menuju ke destinasi yang sama. Kumpulan Al-Fuzail berjaya lagi melakukan rompakan dan merampas banyak barang-barang daripada kumpulan kafilah itu.

Sedang sahabat-sahabat Al-Fuzail



berseronok makan merayakan kejayaan mereka melakukan rompak, seorang *abid* yang merupakan ketua rombongan kafilah itu datang menghampiri mereka dan bertanya:

"Wahai perompak, siapakah ketua kamu?"

"Dia tidak ada di sini. Beliau sedang solat di sebalik pokok yang terletak tidak jauh dari khemahnya itu." Jawab salah seorang perompak sambil menudingkan jari ke arah Al-Fuzail.

*"Jika seseorang yang benar-benar sudah bertaubat, kemudian dia meletakkan tangan ke atas tanah, maka tanah itu serta merta akan berubah menjadi emas"*

"Solat? Tetapi sekarang ini bukankah belum tiba waktu solat?" *Abid* itu bertanya kehairanan.

"Ya. Dia sedang melakukan solat sunat," perompak itu menjelaskan lagi.

"Dia tidak makan bersama kamu?" *Abid* itu bertanya lagi.

"Tidak! Dia sedang berpuasa," jawab salah seorang daripada mereka.

"Puasa? Bukankah bulan Ramadhan belum tiba?" Kata *abid* itu lagi bertambah hairan.

"Betul, dia sedang berpuasa sunat." Kata perompak itu jujur.

Dengan merasa sangat hairan *abid* tadi menghampiri Al-Fuzail yang sedang khusyuk mengerjakan solat. Setelah selesai solatnya ia berkata kepada Al-Fuzail: "Wahai anak muda, ada sebuah peribahasa yang mengatakan, hal-hal yang bertentangan itu tidak dapat disatukan. Bagaimana mungkin seseorang itu merompak tetapi pada waktu yang sama

melakukan solat dan berpuasa?"

*Abid* itu meneruskan dakwahnya: "Tidakkah engkau mendengar Firman Allah Subhanahu Wata'ala":

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ  
(سورة البقرة: ٤٢)

**Tafsirnya:** "Dan janganlah kamu campuradukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya."

(Surah al-Baqarah: 42)

Kemudian diteruskan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala yang lain:

أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ  
(سورة فصلت: ٥٣)

**Tafsirnya:** "Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?"

(Surah Fushshilat: 53)

Ayat ini bagaikan anak panah menembusi jantung Al-Fuzail, bagaikan ada satu suara peringatan seolah-olah berkata dihatinya: "Wahai Fuzail, berapa lama lagiakah engkau akan menyamun kafilah? Telah tiba masanya kami akan menyamunmu pula!"

Tiba-tiba Al-Fuzail terjatuh dan berkata: "Memang telah tiba masanya, malah belum terlewat!"

Kemudian dia bangun dan berlari mendapatkan teman-temannya dan berkata "Ada berita gembira! Ada berita gembira untuk kamu semua, Al-Fuzail telah bertaubat!"

Sejak hari itu, sepanjang hari Al-Fuzail menangis dan kesal di atas perbuatan yang telah dilakukannya. Kepada teman dan pengikutnya, Al-Fuzail meminta supaya sumpah janji setia di antara mereka diputuskan. Semuanya bersetuju kecuali seorang saja yang masih berdegil iaitu seorang Yahudi. Di hatinya masih lagi menginginkan pekerjaan lama mereka, iaitu merompak dan menyamun. Pekerjaan yang tidak memerlukan tenaga yang banyak untuk mendapatkan harta kekayaan.

Yahudi itu berkata kepada Al-Fuzail: "Sesungguhnya aku telah bersumpah, bahawa aku tidak akan memutuskan

sumpah janji setia antara kita sebelum engkau mengambil wang emas di bawah tikar di rumahku. Setelah itu sumpah itu akan aku penuhi dan janji setia di antara kita diputuskan."

Al-Fuzail setuju. Dengan segera Al-Fuzail masuk ke dalam rumah orang Yahudi itu, dan meraba tangannya di bawah tikar dan tiba-tiba dia tersenyum kerana di tangannya sudah ada segenggam dinar emas dan terus diserahkan kepada orang Yahudi itu.

Melihat kejadian itu, Yahudi itu terus melutut di kaki Al-Fuzail seraya berkata: "Wahai Al-Fuzail, Islamkan aku! Tahukah engkau, mengapa aku mahu memeluk Islam sekarang? Dulu aku masih ragu-ragu, manakah agama yang sebenar."

Jawab Al-Fuzail: "Aku tidak tahu"

Yahudi itu berkata lagi kepada Al-Fuzail: "Maafkan aku, sebenarnya aku telah menaruh selonggok tanah di bawah tikar di rumahku dengan harapan engkau akan menemui kegagalan dan tidak akan membuat sumpah janji setia denganku. Ini kerana aku pernah membaca di dalam kitab Taurat: "Jika seseorang yang benar-benar sudah bertaubat, kemudian dia meletakkan tangan ke atas tanah, maka tanah itu serta-merta berubah menjadi emas."

"Justeru itu," pintas Al-Fuzail.

"Aku hanya mahu menguji untuk membuktikan kebenaran taubat engkau. Rupa-rupanya tanah itu benar-benar berubah menjadi emas kerana tersentuh oleh tanganmu, maka ketahuilah bahawa engkau benar-benar telah bertaubat dan sesungguhnya Islamlah agama yang sebenar-benarnya".

Al-Fuzail terus mengislamkannya dan akhirnya diberitakan bahawa Yahudi itu telah menjadi seorang muslim yang sangat taat kepada ajaran Islam.

Setelah bertaubat, Syeikh Al-Fuzail Iyaz At-Talaqani pergi ke Kufah untuk menuntut ilmu dan selepas itu beliau ke Makkah sehinggalah meninggal di sana. Akhirnya kita mendengar nama Al-Fuzail al-Talaqani cukup terkenal sebagai seorang ahli hadis serta keberaniannya memberi nasihat dan berdakwah kepada Sultan Harun Ar-Rasyid yang menjadi perbualan rakyat pada masa itu.

Dipetik dari kitab *Tazkiratul Aulia* karangan Farid Ad Din Attar



# APA Pantang Larang ISTERI KEMATIAN SUAMI?

**S**etiap wanita atau isteri yang baru kematian suami, diwajibkan kepadanya tiga perkara: Menunggu habis 'iddah, berkabung dan menetap di rumah.

## 'Iddah

Maksud masa 'iddah ialah menunggu dan menahan diri daripada perkahwinan selama empat bulan sepuluh hari jika wanita itu tidak hamil. Jika dia hamil 'iddahnya sehingga dia melahirkan.

Sering timbul pertanyaan kenapa masa 'iddah bagi isteri yang kematian suami lebih panjang berbanding dengan iddah isteri yang dicerai? Ini kerana suami yang meninggal itu meninggalkan kesan kesedihan di hati isteri dan keluarganya, sementara kesan sedemikian itu tidak didapati ketika berlakunya perceraian. Sebab itu 'iddah bagi isteri yang kematian suami lebih panjang daripada isteri yang dicerai semata-mata bagi menghilangkan rasa dukacita selepas ditimpa musibah tersebut.

## Berkabung

Maksud wanita yang berkabung pula ialah wanita yang sedang dalam masa 'iddah, mereka ini tidak boleh memakai perhiasan seperti celak, gincu, bedak, wangi-wangian, barang-barang kemas, pakaian mewah yang boleh menarik perhatian orang dan perhiasan-perhiasan yang lain yang biasa dipakai ketika di hadapan suaminya.

Sabda Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* yang bermaksud: "Seorang wanita bertanya kepada Rasulullah: "Ya Rasulullah, sesungguhnya suami anakku telah meninggal dunia, sedangkan mata anakku sakit, apakah dia boleh memakai celak mata?" Rasulullah menjawab: "Tidak", dia katakan sampai dua atau tiga kali. Kemudian Nabi bersabda: "Sesungguhnya ('iddah) empat bulan

sepuluh hari, dan sesungguhnya salah seorang kamu pada zaman jahiliyah telah menunggu satu tahun." Yakni masa berkabung pada masa itu satu tahun. Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

Dalam sebuah hadis yang lain daripada Ummu Salamah bahawa Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda kepada wanita yang kematian suami yang bermaksud: "Dia (isteri) tidak boleh memakai pakaian yang dicelup dengan warna kuning dan merah dan tidak pula perhiasan dan dia tidak boleh memakai gincu dan celak." (Hadis riwayat Abu Daud dan Nasâi'.)

*Wanita yang dalam 'iddah tidak dibenarkan keluar rumah untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid atau musafir termasuklah melakukan ibadat haji atau umrah*

## Menetap di rumah

Seperkara lagi bagi isteri yang kematian suami ialah menetap diam di rumah suaminya yang meninggal atau rumah tempat tinggalnya dan dia tidak boleh meninggalkan rumah itu selama masih dalam 'iddah.

Menurut sebuah hadis bahawa seorang wanita telah mendatangi Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* untuk memberitahu bahawa suaminya keluar mencari hamba-hambanya, lalu hamba-hambanya telah membunuhnya

sewaktu bertemu dengan mereka. Kemudian dia bertanya kepada Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam*: "Apakah aku boleh kembali ke rumah keluargaku kerana arwah suamiku tidak menempatkan aku di rumah milikku sendiri serta dia tidak meninggalkan nafkah untuk ku?" Rasulullah menjawab: "Berdiamlah di rumahmu sehingga habis masa yang telah ditetapkan, dan habiskanlah 'iddahmu iaitu empat bulan sepuluh hari."

Dalam tempoh berkabung, diam di tempat kediaman isteri ketika bersama suami adalah lebih baik dan selamat baginya.

Meskipun demikian, Islam tidak pernah melarang wanita atau isteri untuk keluar rumah selama mana ia tidak bercanggah dengan syara' umpamanya untuk keluar berkerja, berubat, membeli barang keperluan jika tidak ada orang yang boleh membantunya.

Adapun keluar pada waktu malam bergantung kepada keadaan, jika boleh menimbulkan sebarang keraguan dan fitnah, maka adalah lebih baik dihindarkan.

Begitu juga wanita yang dalam 'iddah tidak dibenarkan keluar rumah untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid atau musafir termasuklah melakukan ibadat haji atau umrah.

Satu perkara lagi walaupun ini mungkin jarang-jarang berlaku, perlu juga diingatkan kepada kaum lelaki khususnya supaya tidak akan melamar wanita yang masih dalam 'iddah secara terang-terangan, tetapi boleh dilakukan secara sindiran.

Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 235 :

*(Bersambung ke muka 22)*



# Persidangan Ke-13 DI KUWAIT

## Majlis Akademi Fiqh Islam



Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohidin, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Seri Setia Professor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman dan Awang Haji Japar bin Haji Maidin ketika menghadiri Persidangan ke-13 Majlis Akademi Fiqh Islam di Kuwait.



Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohidin, Timbalan Mufti Kerajaan, dan Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Pegawai Istiabat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah menghadiri persidangan ke-13, Majlis Akademi Fiqh Islam di Kuwait. Persidangan berlangsung pada 7 - 12 Syawal 1422 bersamaan 22 - 27 Disember 2001.

Yang Dimulikan Pehin adalah Ahli Tetap, Persidangan Majlis Akademi Fiqh Islam.

(dari muka 21)

وَلَا مَجْنَحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَّضْتُمْ بِهِ مِنْ  
حِطَّةِ النِّسَاءِ أَوْ أَكْتَسْتُمْ فِيمَ أَنْفُسِكُمْ عِلْمَ  
اللَّهِ أَنْتُمْ سَتَدُرُّونَهُنَّ وَلَيْكِن لَّا  
تُوعِدُوهُنَّ سِرًّا إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا  
وَلَا تَعْرِمُوا عَهْدَةَ الْبَيْكَا حَتَّى يَبْلُغَ  
الْكِتَابَ أَجَلَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي  
أَنْفُسِكُمْ فَاحْذَرُوهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ

**Ertinya:** "Dan tidak ada salahnya bagi kamu (orang Islam yang hendak meminang) tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran), untuk meminang perempuan (yang kematian

Bersama rombongan dari Negara Brunei Darussalam ialah Yang Mulia Dato Paduka Seri Setia Professor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, Timbalan Naib Canselor, Universiti Brunei Darussalam selaku tenaga pakar.

Di antara tajuk-tajuk yang dibincangkan di Persidangan itu ialah mengenai:

- Insuran Kesihatan Dan Pemakaian Kad Kesihatan
- Pelaburan Hasil Harta Wakaf
- Zakat (Pertanian, Saham dan

suami dan masih dalam 'iddah), atau tentang kamu menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut (atau meningati mereka), (yang demikian itu tidaklah salah), akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka dalam sulit, selain daripada menyebutkan kata-kata (secara sindiran) yang sopan. Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan akad nikah sebelum habis 'iddah yang ditetapkan itu.)"

Ayat ini menjelaskan bahawa wanita yang masih dalam 'iddah adalah boleh dipinang atau dilamar dengan cara

Hutang)

- Tender Bersekutu Dan Caranya Mengikut Akad Cara Baru
- Pinjaman Atau Pelaburan Bersama Dalam Institusi Kewangan Islam
- Permasalahan-Permasalahan Yang Timbul & Beberapa Cadangan

Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah Persidangan Kelapan Majlis Akademi Fiqh Islam sempena Sambutan Awal Tahun 1414 Hijriah. Persidangan ke-14 yang akan datang dijangka akan diadakan di Qatar.

sindiran. Umpamanya dengan mengatakan: "Saya ingin berkahwin," "saya ingin kahwin dengan perempuan saleh" dan seumpamanya yang boleh difahami oleh wanita tersebut.

Adapun yang dilarang ialah melamar atau meminang mereka secara terang-terangan atau berjanji secara sulit atau rahsia. Kerana ini boleh mendatangkan fitnah dan tersebar nya khabar-khabar yang tidak diinginkan.

Demikianlah di antara pantang larang bagi wanita yang masih di dalam 'iddah. Semoga ia boleh membantu dan menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi dan dapat dijadikan sebagai panduan bersama. ■



# Mufti Kerajaan Menerima Kunjungan



Yang Dimulikan Lagi Dihormati Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan wakil Pertubuhan Islam Itali (kiri) dan bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran (kanan).

**Y**ang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah menerima kunjungan Yahya Pallavicini wakil daripada Pertubuhan Islam Itali pada 13 Syaaban 1422 bersamaan 30 Oktober 2001. Hadir sama ialah Pengarah

Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan Dato Paduka Ahmad Bukhari.

Dalam perjumpaan tersebut berbagai perkara mengenai Islam dan umat Islam telah dibincangkan. Di akhir perjumpaan tetamu tersebut telah dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal

Bolkiah.

Sementara itu Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Mufti Kerajaan juga menerima kunjungan Awang Haji Ishak bin Haji Abdullah, Bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran.

## Timbalan SUK Perak Tinjau Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah



◀ Ketika mengadakan lawatan ke Balai Pameran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

▼ Bergambar ramai di hadapan Papan Tanda Nama Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

**P**ada 24 Oktober 2001 yang lalu, satu rombongan yang terdiri daripada pegawai-pegawai Muzium Negeri Perak yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah mengadakan lawatan kerja dan meninjau Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Lawatan mereka itu untuk meninjau dan melihat dengan lebih dekat lagi balai-balai pameran dan muzium di negara ini. Sebelum ini mereka telah mengadakan lawatan kerja ke Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Muzium Brunei.

Semasa lawatan rombongan ke Balai Pameran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, mereka telah dibawa meninjau dan diberi taklimat oleh Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan Dato Paduka Ahmad Bukhari.





# Lengkapkan Diri Dengan Ajaran **AL-QUR'AN**

## Titah

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru generasi hari ini supaya menjadi generasi al-Qur'an. Baginda bertitah demikian di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an yang diadakan pada malam 17 Ramadhan 1422 bersamaan 3 November, 2001 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Ketika bertitah di majlis itu, baginda menaruh harapan supaya perkara tersebut diusahakan secara bersepadu oleh semua peringkat, termasuk ibu bapa, guru-guru serta pemimpin supaya menjadikannya sebagai matlamat utama setiap orang.

Seterusnya baginda bertitah:

*"Kita bersyukur kepada Allah kerana dengan izinNya kita berpeluang meraikan dan memperingati peristiwa Nuzul al-Qur'an, kitab panduan yang membawa rahmat dan hidayat kepada sekalian manusia sebagaimana yang disebutkan di dalam al-Qur'an"*

*Bersambung ke muka 5*



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli jawatankuasa sejurus tiba di Majlis Sambutan Nuzul al-Qur'an yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

## Penghulu Mukim Sukang Mendapat Hidayah



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menyaksikan pengislaman Datu Maharaja Setia Simpok dan isterinya di kediaman rasmi Pegawai Daerah Belait.**

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan

berangkat menyaksikan pengislaman seorang pemimpin masyarakat di Daerah Belait, Datu Maharaja Setia Simpok bin Datu Maharaja Setia Dian, Penghulu Mukim Sukang dan isterinya.

Majlis pengislaman tersebut berlangsung pada hari Rabu 11 Syawal, 1422 bersamaan 26 Disember, 2001, di kediaman rasmi Pegawai Daerah Belait.

Datu Maharaja Setia Simpok, 69 tahun kini dikenali sebagai Datu Maharaja Setia Muhammad Simpok, dan isterinya 63 tahun, pula dikenali sebagai Dayang Siti Khadijah binti Abdullah.

Datu Maharaja Setia Muhammad Simpok adalah pemimpin bagi puak Dusun, Iban dan Punan sejak sekian lama. Beliau dilantik sebagai Penghulu Mukim Sukang pada tahun 1982. Mukim Sukang terletak di ulu Belait dan mempunyai kira-kira 500 orang penduduk ketiga-tiga puak berkenaan.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis pengislaman tersebut menunjukkan keperihatinan baginda terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dan mempastikan syiar Islam sampai kepada semua golongan masyarakat tidak kira di mana mereka berada.

**Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri**

Darulifta' Brunei Darussalam, Sg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam  
Telefon: 02-235121, 02-224955 Fax: 02-235120

Website: [www.brunet.bn/gov/mufti](http://www.brunet.bn/gov/mufti) E-mail: [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) dan [Fatwa@brunet.bn](mailto:Fatwa@brunet.bn)

Dicetak Oleh: Pencetak dan Perdagangan Borneo Sdn. Bhd.